

BAS AUTONOMI: (Dari kiri) Presiden Volvo Buses, Encik Hakan Agnevall, Presiden NTU, Encik Subra Suresh dan pegawai kanan LTA, Encik Lam Wee Shann, semasa pelancaran menguji bas tanpa pemandu semalam. – Foto AFP



NTU, Volvo lancar uji bas tanpa pemandu

PENGGUNA jalan raya di sekitar Universiti Teknologi Nanyang (NTU) boleh menjangkakan bas tanpa pemandu di jalan raya universiti itu pada hujung tahun ini.

NTU dan firma Sweden, Volvo, telah melancarkan sebuah bas autonomi elektrik sepanjang 12 meter, yang dikatakan pertama di dunia, lapor *The Straits Times* semalam.

Bas yang boleh menampung 80 orang itu telah melalui beberapa ujian di Pusat Kecemerlangan bagi Ujian dan Kajian Kenderaan Autonomi di NTU (Cetran) dan kini bersedia kendalikan ujian dalam sekitaran trafik sebenar.

Ia boleh bergerak sejauh 25 kilometer apabila dicaj sepenuhnya.

Melalui sistem caj pantas 300kW dari firma gergasi kejuruteraan ABB, bas itu boleh dicaj sepenuhnya dalam tempoh enam minit.

Presiden NTU, Encik Subra Suresh berkata: “Bas elektrik sepenuhnya autonomi ini akan memainkan peranan dalam membentuk masa depan pengangkutan awam yang selamat, cekap, boleh dipercayai dan selesa untuk semua penumpang. Projek penyelidikan ini bukan sahaja melibatkan sains, teknologi dan kecerdasan buatan (AI)

mutakhir namun juga merupakan contoh perkongsian rapat di kalangan akademik, industri dan agensi pemerintah dalam mengubah penyelidikan asas ke dalam produk dan perkhidmatan untuk kepentingan Singapura dan selanjutnya.”

Ketua Pegawai Inovasi dan Teknologi, Penguasa Pengangkutan Darat (LTA), Encik Lam Wee Shann, berkata pelancaran bas untuk ujian di jalan raya itu menandakan “detik penting” dalam projek bersama antara LTA dan NTU untuk membangunkan bas autonomi bagi laluan tetap dan perkhidmatan berjadual.